

Apakah ICANN?

Persekutuan Internet Bagi Nama dan Nombor Yang Dibahagikan (The Internet Corporation for Assigned Names and Numbers) (ICANN) merupakan sebuah persekutuan antarabangsa yang bukan mencari keuntungan dan yang bertanggung jawab terhadap fungsi pembahagian ruang alamat tempat Protokol Internet (IP), pemberian alat mengenali protokol, pengelolaan sistem nama Kawasan Kekuasaan Tingkat Utama generic (gTLD) dan kod negara (ccTLD), serta pengelolaan sistem perkhidmatan sumber (root server). Perkhidmatan tersebut dahulunya dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Yang Bertalian Dengan Nombor Yang Disediakan oleh Internet (Internet Assigned Number Authority) (IANA) dan pihak-pihak lain berdasar kepada kontrak perjanjian dengan Pemerintah Amerika Syarikat. Fungsi-fungsi IANA tersebut dilaksanakan oleh ICANN sekarang.

Sebagai awam persendirian syarikat, ICANN berdedikasi kepada pemeliharaan gerakan stabil Internet; meningkatkan persaingan; mencapai perwakilan masyarakat Internet sedunia yang luas; dan mengembangkan polisi yang sesuai dengan tugas melalui proses yang berdasarkan persetujuan dan yang bertindak dari bawah ke atas.

Apakah Sistem Nama Kawasan Kekuasaan (Domain Name System)?

Sistem Nama Kawasan Kekuasaan (The Domain Name System) (DNS) membantu pengguna mencari jalan sendiri di Internet ruangan. Setiap komputer dalam Internet mempunyai satu alamat istimewa yang bernama "alamat IP" (IP address) sendiri. Oleh kerana alamat-alamat IP (yang berupa serangkaian nombor) adalah susah diingati, DNS mengizinkan serangkaian huruf ("nama kawasan") yang biasa untuk digunakan sebagai pengganti. Oleh itu, anda boleh taip "www.icann.org", sebagai ganti taipkan nombor, "192.0.34.65,"


Penjaminan keputusan yang bisa diramalkan dari sebarang tempat di Internet adalah dipanggil "kecekapan membuat ketetapan di seluruh dunia." ("universal resolvability"). Keistimewaan Sistem Nama Kawasan Kekuasaan adalah menjadikan Internet sebagai sumber berguna di seluruh dunia sekarang. Kalau tiadanya, nama kawasan kekuasaan yang sama akan muncul di tempat Internet yang lain dalam keadaan yang

DNS menterjemahkan nama Kawasan yang anda taipkan kepada alamat IP yang sesuai, dan menyambungkan anda dengan website (tempat web) yang anda inginkan. DNS juga memungkinkan email berfungsi sewajarnya, email yang anda kirimkan boleh sampai kepada penerima yang bermaksud.

Apakah peranan ICANN?

ICANN bertanggung jawab untuk menyelaraskan pengelolaan unsur teknik DNS, menjamin kecekapan dan ketetapan di seluruh dunia (universal resolvability), supaya semua pengguna Internet dapat bertemu dengan semua alamat-alamat sah. ICANN berbuat demikian dengan mengawaskan pembahagian alat pengenalan teknik istimewa yang digunakan dalam operasi Internet, dan perwakilan nama-nama Kawasan Kekuasaan Tingkat Utama (seperti .com, .info, dan lain-lain).

Urusan-urusan lain yang berkenaan kepada pengguna-pengguna Internet, seperti pemerintahan bagi perdagangan kewangan, pengendalian isi Internet, e-mail mengenai perdagangan yang tidak diminta (spam), dan perlindungan data adalah diluar lingkungan tugas ICANN mengenai penyelarasan teknik



Bagaimanakah ICANN Berfungsi?

Dalam susunan ICANN, pemerintah dan pertubuhan-pertubuhan persetujuan antarabangsa bekerjasama dengan perusahaan, pertubuhan dan individu yang mahir dalam bidang pembangunan dan penterusan Internet di seluruh dunia. Pembaruan dan perkembangan terus menerus Internet mendatangkan tantangan yang baru untuk mempertahankan kemandirian. Peserta ICANN bekerjasama secara kolektif menguruskan soal-soal tersebut yang berhubung secara langsung dengan tugas ICANN mengenai penyelarasan teknik. Sesuai dengan prinsip maksimum peraturan sendiri dalam soal ekonomi teknologi yang bertingkat tinggi, ICANN barangkali adalah contoh utama yang mengenai kerjasama antara berbagai pemilih masyarakat Internet.

ICANN dikuasai oleh Badan Pengurus antarabangsa yang mengawasi proses perkembangan polisi. Presiden ICANN memimpin para pegawai antarabangsa melalui pekerjaan yang dilakukan dari tiga benua untuk memastikan ICANN memenuhi kewajiban operasinya kepada masyarakat Internet.

Direncanakan untuk memenuhi permintaan teknologi dan ekonomi yang cepat berubah, proses perkembangan polisi yang mudah disesuaikan dan siap dilaksanakan berasal dari tiga Pertubuhan Penyokong. Komite Penasihat dari pertubuhan pengguna individu, dan masyarakat teknik bekerjasama dengan Pertubuhan Penyokong untuk mencipta polisi yang sesuai dan berkesan. Lebih dari 80 pemerintah memberi nasihat yang teliti kepada Badan Pengurus melalui Komite Penasihat Pemerintah.

Dewan Pengurus ICANN termasuk warganegara Australi, Brazil, Bulgaria, Kanada, Cina, Perancis, Jerman, Ghana, Negeri Jepun, Kenya, Korea, Meksiko, Negeri Belanda, Portugal, Senegal, Sepanyol, Negara Inggeris, dan Amerika Syarikat.